

18 OCT 2003

Mahathir-OIC

DR MAHATHIR RAKAM PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PETUGAS JAYAKAN OIC

PUTRAJAYA, 18 Okt (Bernama) -- Menyifatkan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang baru selesai semalam sebagai satu persidangan yang paling menggelisahkan dan memberikan "tekanan", Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua petugas kerana berjaya menganjurkan persidangan itu dengan baik.

Perdana Menteri berkata penganjuran sidang kemuncak ke-10 itu satu tugas berat dan sukar yang memerlukan satu koordinasi yang baik dan melibatkan kerahan ramai petugas untuk menjayakannya.

"Saya telah menganjurkan banyak persidangan dan mesyuarat antarabangsa tetapi sidang kemuncak OIC kali ini menjadi mesyuarat yang paling menggelisahkan," katanya semasa berucap pada jamuan penghargaan kepada semua petugas sidang kemuncak OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini.

Malaysia pernah menganjurkan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) pada 1989 dan Kejohanan Sukan Komanwel ke-16 pada 1998 dan yang terbaru persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Februari lepas.

Sidang kemuncak OIC dari 11 Okt hingga 18 Okt, bermula dengan mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) dan berakhir dengan mesyuarat Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan pada Khamis dan semalam.

Sidang kemuncak yang diadakan di PCC itu merupakan perhimpunan terbesar pemimpin-pemimpin Islam selepas peristiwa serangan 11 Sept 2001.

Dr Mahathir turut mendedahkan bahawa beliau mengambil masa dua bulan lebih awal untuk menyediakan ucapan bagi persidangan itu dan menjadi semakin gelisah apabila persidangan itu hampir sedangkan ucapan belum disediakan.

"Apa yang saya kata mungkin menimbulkan kemarahan wakil atau ketua negara kerana ada Raja, Presiden dan Perdana Menteri yang menghadirinya, tidak boleh silap sedikit... jadi kalau bercakap tidak kena saya khuatir macam-macam boleh berlaku.

"Saya ingat saya mengkritik negara-negara Islam tapi orang lain pula yang melenting sehingga Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London dipanggil (kerajaan Britain) untuk memberikan penjelasan," katanya.

Semalam Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Datuk Abdul Aziz Mohammed telah dipanggil untuk bertemu dengan Menteri Negara Britain, Mike O'Brien bagi menyatakan kebimbangan kerajaan Britain berhubung ucapan Dr Mahathir pada majlis pembukaan sidang OIC berkaitan Yahudi memerintah dunia menggunakan proksi.

Sambil melahirkan rasa syukur, Dr Mahathir berkata segala persiapan dan tugas bagi penganjuran OIC telah berjalan dengan baik malahan negara menerima pujian daripada kebanyakan pemimpin dan perwakilan yang hadir kerana telah berjaya menguruskan dan mengatur mesyuarat dengan baik.

"Mereka kagum dengan ketertiban petugas yang menjalankan setiap tugas dengan baik... segalanya berjalan dengan baik kerana sumbangan setiap petugas yang melaksanakan kerja dengan cukup baik," katanya.

Menyifatkan penganjuran persidangan itu sebagai satu khidmat kepada negara, Perdana Menteri berkata semua petugas telah menyumbang kepada negara kerana mahu Malaysia dikenali sebagai negara yang tertib dan melaksanakan tugas dengan teratur dalam penganjuran persidangan.

Katanya, ketertiban dan kejayaan mengatur perjalanan persidangan dengan baik telah menjadi satu budaya yang dilaksanakan sejak penganjuran CHOGM.

Perdana Menteri berkata para pemimpin asing berasa kagum dengan para petugas yang dapat melaksanakannya dengan baik.

Beliau berkata antara penyumbang kejayaan penganjuran persidangan itu juga adalah disebabkan ketelitian petugas membuat catitan mengenai segala kerja yang perlu dibuat.

Dr Mahathir turut menasihatkan supaya segala catitan mengenai pengendalian persidangan sedemikian direkod dan disimpan supaya ia boleh dijadikan panduan pada masa depan.

"Kita perlu catit sekarang sebelum kita lupa. Setiap seorang perlu ingat apa peranan yang dilaksanakannya bukan sahaja untuk rujukan kita tetapi juga kalau orang asing meminta kita boleh beri jawapan apa dianya yang kita lakukan," katanya.

Dr Mahathir yang akan bersara pada hujung bulan ini juga mengucapkan terima kasih kepada para pegawai kerajaan yang memberikan semua sokongan dan kerjasama sepanjang 22 tahun beliau menerajui negara.

"Tanpa sokongan dan kerjasama untuk melaksanakan arahan-arahan kerajaan serta menjalankan tugas kita tidak dapat menjayakan pembangunan negara," katanya.

Malaysia yang kini dikenali sebagai negara membangun yang paling maju telah dijadikan contoh oleh negara-negara membangun yang lain sehingga banyak negara ingin mempelajarinya, katanya.

Dr Mahathir berkata semua ini adalah hasil kerjasama semua pihak dan para pegawai kerajaan dan beliau yakin kerjasama itu akan diteruskan selepas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir secara terbuka juga mengucapkan terima kasih kepada isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kerana beliau telah memberi banyak panduan dan dorongan kepadanya.

Pada majlis itu Dr Mahathir menerima cenderahati daripada penaja utama Pengerusi Tour De Malaysia Datuk Seri Miah Abdul Majid. Abdullah dan juga Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut juga menerima cenderahati.

-- BERNAMA

HS HM MOZ